



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
INDEKS HARGA PENGGUNA, MALAYSIA
OGOS 2023**

Inflasi Malaysia kekal 2.0 peratus pada Ogos 2023

PUTRAJAYA, 22 September 2023 – Inflasi Malaysia kekal 2.0 peratus pada Ogos 2023 dengan mata indeks mencatatkan 130.8 berbanding 128.2 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini mengenai keluaran **INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP), OGOS 2023**.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, peningkatan inflasi didorong oleh peningkatan lebih rendah bagi kumpulan Restoran & Hotel, 4.7 peratus (Julai 2023: 5.0%) dan Makanan & Minuman Bukan Alkohol, 4.1 peratus (Julai 2023: 4.4%). Ini diikuti oleh kumpulan Pelbagai Barang & Perkhidmatan dan Kesihatan masing-masing meningkat sebanyak 2.4 peratus.

Kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol menyumbang 29.5 peratus daripada keseluruhan wajaran IHP telah merekodkan peningkatan sederhana iaitu 4.1 peratus (Julai 2023: 4.4%). Komponen Makanan di rumah merekodkan peningkatan marginal 2.9 peratus berbanding 3.0 peratus yang direkodkan bulan sebelumnya. Kenaikan komponen Makanan di rumah adalah didorong terutamanya oleh subkumpulan Daging (5.8%). Ini diikuti oleh subkumpulan Beras, roti & bijirin lain dan Susu, keju & telur masing-masing meningkat 4.0 peratus. Selain itu, komponen Makanan di luar rumah mereda kepada 5.9 peratus berbanding 6.2 peratus yang direkodkan pada Julai 2023. Antara item yang menunjukkan peningkatan lebih perlahan adalah Nasi campur, Sate dan Nasi ayam.

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam **1200, Jumaat, 22 September 2023**

Subkumpulan Daging yang merangkumi Daging ayam, Daging lembu, Daging babi, Daging kambing, Daging kerbau dan Daging itik mencatatkan peningkatan lebih tinggi 5.8 peratus pada bulan Ogos 2023 (Julai 2023: 5.5%). Ayam merupakan komponen terbesar dalam subkumpulan Daging mencatatkan kenaikan 5.7 peratus berbanding 4.3 peratus pada bulan Julai 2023. Purata harga ayam standard di Malaysia meningkat kepada RM10.21 sekilogram berbanding RM9.65 sekilogram pada bulan Ogos 2022 (Julai 2023: RM10.51). Peningkatan pada subkumpulan Daging turut didorong oleh peningkatan Daging babi (18.5%) dan Itik (5.7%). Namun, bagi perbandingan bulan ke bulan, subkumpulan Daging menurun kepada negatif 1.1 peratus (Julai 2023: -0.1%).

Subkumpulan Beras, roti & bijirin lain meningkat pada kadar perlahan iaitu sebanyak 4.0 peratus pada Ogos 2023 (Julai 2023: 4.5%). Ini antaranya disumbangkan oleh peningkatan sederhana kelas perbelanjaan Roti & kuih sebanyak 3.5 peratus (Julai 2023: 4.2%) dan Tepung & bijirin lain sebanyak 2.3 peratus (Julai 2023: 3.9%). Namun begitu, kelas perbelanjaan Beras meningkat 3.0 peratus berbanding 2.4 peratus pada Julai 2023. Beras import meningkat 3.6 peratus (Julai 2023: 2.3%) Kerajaan telah melaksanakan sekatan pembelian beras putih tempatan, dengan had pembelian kepada 100 kilogram bagi setiap pengguna bermula 7 September 2023 bagi mengelakkan kekurangan beras putih tempatan di pasaran.

Sementara itu, inflasi subkumpulan Susu, keju & telur menyederhana kepada 4.0 peratus pada bulan Ogos 2023 (Julai 2023: 4.3%). Kelas perbelanjaan Susu tepung & keluaran susu lain dan Telur masing-masing telah mencatatkan kenaikan lebih rendah kepada 4.7 peratus (Julai 2023: 5.1%) dan 1.4 peratus (Julai 2023: 2.0%). Subkumpulan Minyak & lemak terus mencatatkan penurunan bagi lima bulan berturut-turut iaitu negatif 1.4 peratus pada bulan Ogos 2023 (Julai 2023: -2.2%). Ini adalah sebahagiannya disebabkan oleh penetapan harga minyak masak yang masih kekal bagi tempoh 8 Ogos hingga 7 September 2023.

Tambahan pula, inflasi Restoran & Hotel meningkat perlahan kepada 4.7 peratus pada bulan Ogos 2023 berbanding 5.0 peratus pada Julai 2023. Peningkatan lebih rendah subkumpulan Perbelanjaan di restoran & kafe kepada 4.5 peratus berbanding 4.9 peratus pada Julai 2023 merupakan penyumbang utama kepada peningkatan

kumpulan ini. Tambahan pula, subkumpulan Perkhidmatan penginapan turut merekodkan peningkatan lebih rendah kepada 5.1 peratus berbanding 5.7 peratus pada Julai 2023.

Inflasi Pengangkutan bagi Ogos 2023 tidak merekodkan sebarang kenaikan (0.0%) berbanding negatif 0.4 peratus pada Julai 2023. Subkumpulan Perkhidmatan pengangkutan dan Pembelian kenderaan masing-masing meningkat sebanyak 3.5 peratus dan 0.7 peratus. Namun begitu, penurunan inflasi subkumpulan Pengurusan alat pengangkutan persendirian sebanyak negatif 0.3 peratus sedikit sebanyak telah mengimbangi inflasi kumpulan ini dari meningkat. Tambahan pula, penurunan harga minyak Petrol tanpa plumbum RON97 kepada negatif 23.4 peratus pada bulan Ogos 2023 (RM3.37 seliter) berbanding Ogos 2022 (RM4.40 seliter) merupakan penyumbang kepada penurunan kelas perbelanjaan ini. Kelas perbelanjaan ini menyumbang sebanyak 58.4 peratus wajaran kepada kumpulan ini.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut berkata, berhubung dengan inflasi di peringkat negeri, sembilan negeri merekodkan peningkatan di bawah paras nasional 2.0 peratus. Walau bagaimanapun, hanya tujuh negeri merekodkan peningkatan melebihi paras inflasi nasional iaitu Sarawak (3.4%), Wilayah Persekutuan Putrajaya (2.7%), Perlis (2.4%), Perak (2.3%), Selangor (2.3%), Pahang (2.2%) dan Melaka (2.1%). Kesemua negeri mencatatkan peningkatan inflasi Makanan & Minuman Bukan Alkohol. Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh Wilayah Persekutuan Putrajaya (5.7%), diikuti oleh Selangor (5.3%), Sarawak (5.0%), Perlis (4.7%), Melaka (4.4%), Pulau Pinang (4.2%), Wilayah Persekutuan Labuan (4.2%) dan Pahang (4.1%). Sementara itu, negeri-negeri lain menunjukkan peningkatan di bawah paras inflasi Makanan & Minuman Bukan Alkohol nasional iaitu 4.1 peratus pada Ogos 2023.

Inflasi keseluruhan secara bulanan pada Ogos 2023 meningkat marginal kepada 0.2 peratus berbanding 0.1 peratus pada Julai 2023. Peningkatan ini disumbangkan oleh Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain, 0.5 peratus (Julai 2023: 0.0%); Kesihatan, 0.5 peratus (Julai 2023: 0.2%); Restoran & Hotel, 0.3 peratus (Julai 2023: 0.3%). Manakala kedua-dua Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah dan Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan masing-masing meningkat

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam **1200, Jumaat, 22 September 2023**

sebanyak 0.2 peratus berbanding Julai 2023. Inflasi teras pada Ogos 2023 meningkat 2.5 peratus berbanding Julai 2023 (2.8%), namun ianya masih melepas kadar inflasi negara (2.0%). Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol iaitu dengan kenaikan 5.1 peratus. Ini diikuti oleh kumpulan Restoran & Hotel yang meningkat sebanyak 4.7 peratus dan Pengangkutan (3.6%). Manakala Pelbagai Barang & Perkhidmatan dan Kesihatan masing-masing meningkat 2.4 peratus.

Bagi perbandingan dengan negara-negara terpilih, inflasi di Malaysia (2.0%) adalah lebih rendah berbanding Zon Euro (5.3%), Filipina (5.3%), Republik Korea (3.4%), Indonesia (3.3%) dan Vietnam (3.0%). Namun, kadar tersebut lebih tinggi berbanding Thailand (0.9%) dan China (0.1%).

DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my> .

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
22 SEPTEMBER 2023**

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam **1200, Jumaat, 22 September 2023**

Carta 1


Inflasi Keseluruhan Malaysia, Januari 2011 – Ogos 2023



Nota: *Purata inflasi bagi tempoh Januari 2011 hingga Ogos 2023

Carta 2


Inflasi Keseluruhan Malaysia, Inflasi Teras dan Inflasi Tanpa Bahan Api, Ogos 2022 – Ogos 2023



Carta 3


Inflasi bagi Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000, Ogos 2020 – Ogos 2023

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam **1200, Jumaat, 22 September 2023**




Carta 4

Inflasi mengikut Kuadran, Julai 2023 & Ogos 2023



Carta 5


Taburan Inflasi Makanan dan Bukan Makanan yang Meningkat ≤10%, Julai 2023 & Ogos 2023



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam **1200, Jumaat, 22 September 2023**

Carta 6


**Inflasi Makanan Terpilih bagi Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000,
Ogos 2021 – Ogos 2023**



Carta 7


**Purata Harga Petrol Tanpa Plumbum RON95, Petrol Tanpa Plumbum RON97 dan
Diesel, Ogos 2022 – Ogos 2023**

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam **1200, Jumaat, 22 September 2023**



Carta 8


Inflasi mengikut Kumpulan Utama, Julai 2023 & Ogos 2023



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam **1200, Jumaat, 22 September 2023**


Carta 9

Inflasi bagi Makanan & Minuman Bukan Alkohol, Ogos 2020 – Ogos 2023



Carta 10




Inflasi mengikut Negeri, Julai 2023 & Ogos 2023



W.P. : Wilayah Persekutuan

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam **1200**, Jumaat, 22 September 2023

Carta 11 Inflasi bagi Negara Terpilih, Ogos 2021 – Ogos 2023



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam **1200, Jumaat, 22 September 2023**

■ Harga komoditi dunia (AS\$) ■ Peratus perubahan tahun ke tahun



Sumber: Commodity Monthly Prices, World Bank

Nota:

Bbl : Brazilian Butt Lift (barrel) (1bbl = 159 litres)

Mt : Million Tonne

Mmbtu : Metric Million British Thermal Unit





MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
CONSUMER PRICE INDEX, MALAYSIA
AUGUST 2023

Malaysia's inflation remained at 2.0 per cent in August 2023

PUTRAJAYA, 22 September 2023 – Malaysia's inflation remained at 2.0 per cent in August 2023 with the index points recorded at 130.8 as against 128.2 in the same month of the previous year. The Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today on the release of **CONSUMER PRICE INDEX (CPI), AUGUST 2023**.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, the increase of the inflation was driven by the slower increase in Restaurants & Hotels, 4.7 per cent (July 2023: 5.0%) and Food & Non-Alcoholic Beverages, 4.1 per cent (July 2023: 4.4%). This was followed by Miscellaneous Goods & Services and Health groups which increased by 2.4 per cent respectively.

Food & Non-Alcoholic Beverages group which contributes 29.5 per cent of total CPI weight recorded a moderate increase of 4.1 per cent (July 2023: 4.4%). The component of Food at home recorded a marginal increase of 2.9 per cent as compared to 3.0 per cent recorded in the previous month. The increase in the component of Food at home was mainly driven by the subgroup of Meat (5.8%). This was followed by Rice, bread & other cereals and Milk, cheese & eggs subgroups which increased by 4.0 per cent respectively. In addition, the component of Food away from home also slowed to 5.9 per cent as compared to 6.2 per cent recorded in July 2023. Among the items that showed a slower increase were Rice with side dishes, Satay and Chicken rice.

The subgroup of Meat which consists of Chicken, Beef, Pork, Lamb, Buffalo and Duck registered an increase of 5.8 per cent in August 2023 (July 2023: 5.5%). Chicken the largest component in subgroup of Meat increased to 5.7 per cent as against 4.3 per cent in July 2023. The average price of Standard chicken in Malaysia increased to RM10.21 per kilogramme as compared to RM9.65 per kilogramme in August 2022 (July 2023: RM10.51). The increase in this subgroup was also driven by the increase in Pork (18.5%) and Duck (5.7%). On monthly comparison, subgroup of Meat decreased to negative 1.1 per cent (July 2023: -0.1%).

The subgroup of Rice, bread & other cereals increased at a slower rate of 4.0 per cent in August 2023 (July 2023: 4.5%). This was contributed by the slower increase in the expenditure class of Bread & bakery products by 3.5 per cent (July 2023: 4.2%) and Flour & other cereals by 2.3 per cent (July 2023: 3.9%). However, the class expenditure of Rice inclined 3.0 per cent as compared to 2.4 per cent in July 2023. The imported rice increased 3.6 per cent (July 2023: 2.3%). The government has implemented a restriction on the sale of local white rice, limiting purchases to 100 kilogramme per customer starting from 7 September 2023 to prevent the shortage of local rice in the market.

Meanwhile, the subgroup of Milk, cheese & eggs moderated to 4.0 per cent in August 2023 (July 2023: 4.3%). The expenditure class of Milk powder & other dairy products and Eggs increased slower to 4.7 per cent (July 2023: 5.1%) and 1.4 per cent (July 2023: 2.0%) respectively. The subgroup of Oils & fats continued to decline for five consecutive months to negative 1.4 per cent in August 2023 (July 2023: -2.2%). This was partly due to the maximum retail price of bottled cooking oil which remained unchanged for the period of 8 August to 7 September 2023.

Furthermore, inflation for Restaurants & Hotels slowed to 4.7 per cent in August 2023 as against 5.0 per cent in July 2023. The lower increase in the subgroup of Expenditure in restaurants & cafés to 4.5 per cent as compared to 4.9 per cent in July 2023 was the main contributor to the increase in this group. In addition, the subgroup of Accommodation services also recorded a slower increase to 5.1 per cent as compared to 5.7 per cent in July 2023.

Inflation of Transport for August 2023 did not record any increase (0.0%) as compared to a negative 0.4 per cent in July 2023. The subgroup of Transport services and Purchase of vehicle increased by 3.5 per cent and 0.7 per cent respectively. Nevertheless, the decrease in inflation of the subgroup of Operation of personal transport equipment by a negative 0.3 per cent has to a certain extent offset the inflation of this group from increasing. In addition, the decline in price of Unleaded petrol RON97 at negative 23.4 per cent in August 2023 (RM3.37 per litre) as against August 2022 (RM4.40 per litre) has contributed to the decrease in this expenditure class. This expenditure class contributed 58.4 per cent to the weight of this group.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also said, with regards to inflation at the state level, nine states recorded increases below the national inflation level of 2.0 per cent. However, seven states recorded increases above the national inflation level namely Sarawak (3.4%), Wilayah Persekutuan Putrajaya (2.7%), Perlis (2.4%), Perak (2.3%), Selangor (2.3%), Pahang (2.2%) and Melaka (2.1%). All states registered an increase in the inflation of Food & Non-Alcoholic Beverages. The highest increase was recorded by Wilayah Persekutuan Putrajaya (5.7%), followed by Selangor (5.3%), Sarawak (5.0%), Perlis (4.7%), Melaka (4.4%), Pulau Pinang (4.2%), Wilayah Persekutuan Labuan (4.2%) and Pahang (4.1%). Meanwhile, other states showed an increase below the national inflation of Food & Non-Alcoholic Beverages of 4.1 per cent in August 2023.

The monthly headline inflation in August 2023 increased marginally to 0.2 per cent as against 0.1 per cent in July 2023. The increase was mainly contributed by Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels, 0.5 per cent (July 2023: 0.0%); Health, 0.5 per cent (July 2023: 0.2%); Restaurants & Hotels, 0.3 per cent (July 2023: 0.3%). Meanwhile, both Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance and Recreation Services & Culture increased 0.2 per cent respectively as compared to July 2023. Core inflation in August 2023 increased 2.5 per cent as compared to July 2023 (2.8%), but it still surpassed the overall national inflation rate (2.0%). The highest increase was recorded by Food & Non-Alcoholic Beverages group with a 5.1 per cent increase. This was followed by the Restaurants & Hotels group which increased by 4.7 per cent and Transport (3.6%). Meanwhile, Miscellaneous Goods & Services and Health increased 2.4 per cent respectively.

Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Friday, 22 September 2023**

In comparison to inflation of other countries, inflation in Malaysia (2.0%) was lower than inflation in the Eurozone (5.3%), Philippines (5.3%), Republic of Korea (3.4%), Indonesia (3.3%) and Vietnam (3.0%). However, the rate is higher than Thailand (0.9%) and China (0.1%).

DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.


The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
22 SEPTEMBER 2023**

Chart 1

Malaysia Headline Inflation, January 2011 – August 2023



Note: * Average inflation for the period of January 2011 to August 2023

Chart 2

Malaysia Headline Inflation, Core Inflation and Inflation without Fuel, August 2022 – August 2023




Chart 3

Inflation for Income Group Below RM3,000, August 2020 – August 2023




Chart 4

Inflation by Quadrant, July 2023 & August 2023





Chart 5

Distribution of Inflation for Food and Non-Food that Increased ≤10%, July 2023 & August 2023



Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, 22 September 2023

Chart 6

**Inflation of Selected Food for Income Group Below RM3,000,
August 2021 – August 2023**





Chart 7

**Average Price of Unleaded Petrol RON95, Unleaded Petrol RON97 and Diesel,
August 2022 – August 2023**



Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, 22 September 2023

Chart 8

Inflation by Main Group, July 2023 & August 2023




Chart 9

Inflation for Food & Non-Alcoholic Beverages, August 2020 – August 2023




Chart 10

Inflation by State, July 2023 & August 2023




Chart 11

Inflation of Selected Countries, August 2021 – August 2023





Chart 12

Global Selected Commodity Prices



■ Global commodity price (US\$)

— Percentage change year-on-year

Source: Commodity Monthly Prices, World Bank

Notes:

Bbl : Brazilian Butt Lift (barrel) (1bbl = 159 litres)

Mt : Million Tonne

Mmbtu : Metric Million British Thermal Unit